

04 NOV 2002

Abdullah-Pembangkok

PEMBANGKOK UTAMAKAN KEPENTINGAN SEMPIT, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata penolakan pembangkang terhadap pelawaan menyertai Barisan Nasional membuktikan mereka tidak memikirkan kepentingan yang lebih besar, terutamanya pembangunan negara, yang memerlukan muafakat semua pihak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pembangkang sama sekali tidak menunjukkan minat menimbang pelawaan itu kerana mereka tidak mempunyai semangat muafakat demi kepentingan negara dan sebaliknya hanya memikirkan kepentingan sempit mereka.

"Sekurang-kurangnya tanya bagaimana cara, tetapi yang penting (bagi) mereka (adalah untuk) fikir kepentingan parti mereka iaitu sama ada BN ambil semua, atau kami (pembangkang) ambil semua, tidak mahu permuafakatan," kata Abdullah.

BN, sebagai parti yang telah membangunkan negara, sentiasa memikirkan kepentingan yang lebih besar, katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Deepavali Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu, di Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa Jalan Ipoh di sini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa parti pembangkang menolak pelawaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada mereka untuk menyertai BN dengan alasan kononnya Perdana Menteri mempunyai muslihat untuk menghapuskan pembangkang di negara ini.

"Itu sebab kita perlu kerjasama dan minta pembangkang turut bersama tetapi (Mursyidul Am Pas Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) kata lebih baik kita (BN) masuk Pas. Buat apa (kita) masuk Pas, Pas adalah parti pembangkang," katanya

Beliau berkata sebenarnya BN sebagai parti memerintah berada dalam kedudukan untuk membuka pintunya kepada parti pembangkang.

"Sepatutnya kita (BN) dah boleh bersama-sama, tetapi Perdana Menteri masih rasa yang perkongsian kuasa itu perlu diperluaskan," katanya.

Abdullah berkata dengan penolakan itu, terpulanglah kepada parti-parti komponen BN untuk menentukan sama ada mereka mahu meneruskan pelawaan Perdana Menteri kepada pembangkang menyertai BN.

Beliau berkata sepanjang pengetahuannya, amalan komponen BN adalah mereka tetap terbuka untuk menerima mana-mana parti pembangkang untuk menyertai BN seperti mana yang berlaku pada masa dahulu.

"Seperti kes Parti Bersatu Sabah (PBS), orang kata dah tiada peluang lagi untuk mereka tetapi akhirnya BN masih terbuka untuk mereka," kata Abdullah.

Beliau berkata parti-parti pembangkang menyatakan mereka bertekad untuk menumbangkan BN pada pilihan raya umum akan datang, dan sekiranya mereka menerima pelawaan itu, ia melumpuhkan demokrasi dalam negara ini.

Abdullah, yang juga Timbalan Pengerusi BN dan Menteri Dalam Negeri, berkata dalam sistem demokrasi, tidak semestinya perlu ada sistem pembangkang tetapi yang penting ialah orang ramai perlu diberikan peluang untuk memilih.

"Lihat sajalah isu bahasa Inggeris. Kita ada perbezaan pendapat tetapi akhirnya, kita mencapai kata sepakat. Itulah BN," katanya.

Kepada penganut Hindu, Abdullah mengucapkan selamat menyambut Deepavali dengan menyatakan rasa gembiranya bahawa ia dapat disambut dengan meriah setiap tahun di negara ini.

"Pada hari ini, semua kaum ada di sini termasuk para diplomat dan ini membuktikan negara kita selamat," katanya.

-- BERNAMA
AT ZS MAI